



KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

SEMINAR PERCUKAIAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA – PERSEKUTUAN MAJIKAN-MAJIKAN MALAYSIA 2017

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dengan kerjasama Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) akan menganjurkan Seminar Percukaian yang akan bermula pada 22 Februari 2017 dan dijangka berakhir pada 18 April 2017 di 11 lokasi di seluruh negara.

Tujuan dan objektif seminar ini dianjurkan adalah untuk:

1. Meningkatkan kesedaran majikan mengenai peranan dan tanggungjawab mereka dalam hal ehwal percukaian.
2. Mendidik majikan mengenai liabiliti cukai dan hutang di bawah Akta-Akta yang berkaitan.
3. Membimbing dan membincangkan berkenaan audit gaji.
4. Membina jaringan hubungan dalam kalangan peserta-peserta dengan pegawai-pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Antara topik-topik yang akan dibincangkan adalah seperti yang berikut:

1. Peranan & Tanggungjawab Majikan
2. Liabiliti Pengarah bagi Cukai & Hutang di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 & Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) 1976
3. Pelaksanaan Audit Gaji.

Sehubungan dengan itu, kami menyeru pembayar cukai, pengamal percukaian, akauntan, perancang kewangan, setiausaha dan pengarah syarikat serta orang ramai yang berminat untuk menghadiri seminar ini bagi mengemaskini pengetahuan percukaian mereka. Tarikh dan lokasi seminar adalah seperti yang berikut :

BIL.	TARIKH	LOKASI
1	22 Februari 2017	KUALA LUMPUR
2	9 Mac 2017	KOTA KINABALU
3	14 Mac 2017	KUCHING
4	16 Mac 2017	MIRI
5	21 Mac 2017	PULAU PINANG
6	30 Mac 2017	MUAR
7	4 April 2017	JOHOR BAHRU
8	6 April 2017	SEREMBAN
9	11 April 2017	KUANTAN
10	13 April 2017	KUALA TERENGGANU
11	18 April 2017	SHAH ALAM

Sila layari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my atau klik pautan di bawah untuk keterangan lanjut dan mendaftar sebagai peserta.

http://lampiran.hasil.gov.my/pdf/pdfam/REGISTRATION_FORM_SEMINAR_LHDN_MEF_2017_KL.pdf.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 16 Februari 2017.